

## Pembelajaran Berasaskan Masalah: Cabaran Pelaksanaannya dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah

Fathiyah Mohd Fakhrudin\* & Asmawati Suhid

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM, Serdang, Selangor

### ABSTRAK

Pembelajaran berpusatkan murid adalah antara pendekatan pembelajaran yang disarankan dalam pembelajaran abad ke-21. Ia juga merupakan antara tuntutan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 bagi merangsang pemikiran aras tinggi dalam kalangan murid. Kemahiran berfikir aras tinggi merupakan salah satu kemahiran murid abad 21 yang banyak diperkatakan mutakhir ini. Terdapat banyak kaedah pembelajaran yang mendokong pembelajaran berpusatkan murid, antaranya ialah kaedah pembelajaran berasaskan masalah. Walaupun kaedah pembelajaran berasaskan masalah bukan satu kaedah yang baharu dalam dunia pendidikan, namun kaedah ini masih belum dilaksanakan secara meluas dalam pengajaran di sekolah. Kajian kualitatif yang dijalankan ini bertujuan untuk meneroka pelaksanaan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah. Temu bual mendalam dijalankan terhadap beberapa orang guru Pendidikan Islam yang memenuhi ciri persampelan bertujuan. Dapatan menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan masalah dilaksanakan tetapi tidak bersifat menyeluruh. Peserta kajian hanya melaksanakan pendekatan berkenaan dalam pengajaran bidang Akidah dan Ibadat sahaja. Walau bagaimanapun peserta kajian menyedari bahawa cabaran utama bagi melaksanakan pembelajaran berasaskan masalah ialah profesionalisme guru iaitu dalam aspek keilmuan tentang pendekatan terkini. Kajian ini mengemukakan cadangan kepada pihak berkaitan untuk memberi pendedahan tentang pendekatan pembelajaran berasaskan masalah dalam pengajaran Pendidikan Islam bagi meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi, kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran bekerjasama dalam kumpulan.

**Kata Kunci:** Pembelajaran berasaskan masalah, Pendidikan Islam, pendekatan pembelajaran

### ABSTRACT

Student-centered learning is one of the recommended learning approaches in the 21<sup>st</sup> century. It is also among the demands outlined in Malaysia Education Blueprint 2013-2025 to stimulate higher order thinking skills among students. Higher order thinking skills is one of the 21<sup>st</sup> century students' skills that is widely discussed. There are various types of teaching methods that support student-centered learning, among the methods is problem-based learning. Although problem-based learning method is not new in education world, but the said method still has not yet widely implemented in schools' teaching. This study aims to explore the implementation of problem-based learning approach in Islamic Education subject at secondary schools level. Qualitative approach is used to answer the research questions. In-depth interview is conducted on several Islamic Education teachers who fulfill the characteristics determined using purposive sampling technique. The findings showed that problem-based learning is not comprehensively implemented. The participants are found implementing the said approach mostly in the teaching of Aqeedah and Ibadah components in Islamic Education subject. However the participants were aware that the main challenge in implementing problem-based learning approach was the professionalism aspect that refers to the knowledge of the current approaches. This study presents suggestions to relevant parties to provide exposure on problem-based learning approach in teaching Islamic Education subject to enhance higher-order thinking skills, problem solving skills and teamwork skills.

**Keywords:** Problem-based learning, Islamic Education, learning approaches

\* Corresponding author: [fathi@upm.edu.my](mailto:fathi@upm.edu.my)  
eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

## PENDAHULUAN

Pendidikan Islam ialah mata pelajaran teras di peringkat sekolah rendah dan menengah di Malaysia. Walaupun pada peringkat persekolahan rendah, Pendidikan Islam bukan mata pelajaran yang dinilai dalam peperiksaan berpusat negara manakal di peringkat menengah, ia bukan pula satu mata pelajaran wajib lulus. Namun inisiatif bagi memantapkan mata pelajaran Pendidikan Islam tetap dilaksana. Sebagai contoh, Pendidikan Islam sekolah menengah yang bertunjangan kurikulum baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) tidak ketinggalan memfokuskan kepada perkembangan semasa negara. Pendidikan Islam di bawah KSSM memberi penekanan kepada enam aspirasi murid yang perlu dicapai sebagaimana yang terangkum dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Enam aspirasi tersebut ialah pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Transformasi terhadap kandungan, pedagogi dan pentaksiran telah dilaksanakan sebagaimana yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Dalam aspek pedagogi, KSSM memberi fokus kepada pendekatan pembelajaran yang dapat merangsang kemahiran berfikir aras tinggi, pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran kontekstual dan pembelajaran kolaboratif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Ini menunjukkan bahawa pengajaran Pendidikan Islam perlu mendokong apa-apa yang dikehendaki dalam kurikulum berkenaan. Oleh yang demikian, adalah penting ini berfokus kepada penelitian dan penerokaan terhadap pelaksanaan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah dalam pengajaran Pendidikan Islam sekolah menengah.

### *Pembelajaran Berasaskan Masalah*

Pembelajaran berasaskan masalah ialah pendekatan pembelajaran yang memberi ruang kepada murid untuk melaksanakan pembelajaran terarah sendiri serta ruang untuk murid berfikir. Murid diharap dapat menyelesaikan masalah atau isu yang dikemukakan berdasarkan sumber pembelajaran yang telah disediakan (Das, Mpofu, Hasan & Stewart, 2002). Dalam situasi ini, guru berperanan sebagai pemudahcara untuk proses penyelesaian masalah yang dilontarkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini bermaksud murid dilibatkan secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas (Ellen, Donham & Bernhardt, 2011). Oleh itu, bagi melaksanakan pembelajaran berasaskan masalah, guru sepatutnya dapat menentukan dengan jelas objektif pembelajaran agar isu atau masalah yang dikemukakan mampu mendorong murid mencari maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah.

Pendekatan pembelajaran berasaskan masalah juga dapat meningkatkan komitmen murid terhadap pembelajaran. Ini adalah kerana aktiviti pembelajaran berkisar kepada aktiviti menyelidik, membaca, kerja berpasukan dan komunikasi antara ahli kumpulan (Ellen et. al, 2011). Murid akan memberi fokus kepada masalah sebenar yang ditentukan guru dan bekerjasama dengan rakan untuk mencari bahan berkaitan. Secara tidak langsung, aktiviti begini mampu meningkatkan keupayaan murid menentukan apa-apa yang perlu mereka kuasai serta dalam masa yang sama belajar tentang aspek pengurusan masa (Ellen et. al, 2011).

Walaupun pendekatan pembelajaran berasaskan masalah pada awalnya lebih banyak tertumpu dalam bidang perubatan, namun kini pendekatan ini telah diaplikasi dalam pelbagai bidang sains dan sains sosial. Ini terbukti apabila pembelajaran berasaskan masalah dapat melatih murid menyelesaikan masalah, berfikir secara kritis atau berfikir aras tinggi serta bekerja secara kolaboratif (Yadav, Subedi, Lundeberg & Bunting, 2011). Sebagai contoh, dapatan oleh Tiwari, Lai, So dan Yurn sebagaimana yang dipetik oleh Ellen, Donham dan Bernhardt (2011) menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara perkembangan pemikiran kritis pelajar Bachelor Kejururawatan yang mengikuti pendekatan berasaskan masalah berbanding dengan kumpulan pelajar yang mengikuti pendekatan berasaskan kuliah. Dapatan tersebut jelas menunjukkan pembelajaran berasaskan masalah mampu mengembangkan kemahiran berfikir murid khususnya merangsang pemikiran aras tinggi.

Selain itu, dapatan kajian lepas berkaitan pembelajaran berasaskan masalah turut mengetengahkan isu cabaran pelaksanaannya. Sebagai contoh, dalam konteks pembelajaran berasaskan masalah, wujud kebimbangan dalam kalangan murid sejauh mana mereka perlu mendapatkan maklumat berkaitan isu dan masalah yang dikemukakan. Di samping itu, dapatan menunjukkan murid sangat memerlukan bimbingan guru tentang bahan atau sumber untuk mereka menyelesaikan masalah yang diberi (Das, et.al, 2002). Dapatan ini memperlihatkan bahawa persediaan dan pengetahuan guru tentang pendekatan pembelajaran berasaskan masalah sangat diperlukan agar murid memperoleh manfaat daripada pendekatan ini serta mengurangkan kerisauan murid tentang kemampuan mereka bagi menyelesaikan masalah yang ditentukan guru.

Berdasarkan huraian, jelas memperlihatkan bahawa pembelajaran berasaskan masalah begitu signifikan khasnya dalam meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berfikir, kerja berpasukan dan kemahiran komunikasi dalam kalangan murid.

### *Pernyataan Masalah*

Antara tuntutan yang digariskan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 ialah kepada pendekatan pembelajaran berpusatkan murid seperti pendekatan berasaskan masalah serta kemahiran berfikir aras tinggi. Justeru itu, kajian tentang perkara tersebut penting dilakukan bagi meneliti sejauh mana guru Pendidikan Islam melaksanakannya dalam amalan pengajaran mereka. Tambahan pula, kajian tentang situasi pelaksanaan pendekatan pembelajaran berpusatkan murid masih belum begitu banyak dijalankan dalam konteks Pendidikan Islam, maka kajian ini penting untuk melihat situasi yang berlaku.

Dapatan yang diperolehi daripada kajian Ab Halim, Muhamad Faiz dan Kamarul Azmi (2012) menunjukkan bahawa kaedah pengajaran yang sering digunakan oleh guru Pendidikan Islam ialah kaedah kuliah atau penerangan. Kaedah kuliah atau penerangan ialah pendekatan berpusatkan guru. Ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam masih selesa dan kurang mengaplikasi pendekatan berpusatkan murid seperti pendekatan pembelajaran berasaskan masalah sebagaimana yang ingin diteroka dalam kajian ini.

Selain daripada itu, Ab Halim dan Siti Muhibah (2015) dalam penulisan mereka berkaitan prinsip pembelajaran aktif dalam Pendidikan Islam telah memetik kajian oleh Zakaria Abdullah (2011). Dalam kajian berkaitan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar, Zakaria Abdullah (2011) menyimpulkan bahawa guru Pendidikan Islam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar namun tahapnya masih perlu diperbaiki. Guru Pendidikan Islam dikatakan masih tidak menerima latihan berkaitan pendekatan pengajaran dan pembelajaran terkini dalam kadar yang mencukupi untuk mereka melaksanakan pendekatan tersebut secara berkesan.

Berdasarkan huraian di atas, ternyata wujudnya masalah pelaksanaan pembelajaran berasaskan masalah dalam pengajaran Pendidikan Islam. Rata-rata guru Pendidikan Islam lebih cenderung memilih pendekatan berpusatkan guru seperti menggunakan kaedah kuliah atau penerangan.

### *Objektif Kajian*

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk meneroka pelaksanaan pembelajaran berasaskan masalah dalam pengajaran Pendidikan Islam sekolah menengah. Di samping itu, kajian ini turut ingin meneliti cabaran pelaksanaan pendekatan tersebut dalam pengajaran.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menjelaskan tentang pelaksanaan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah dalam pengajaran Pendidikan Islam serta cabarannya berdasarkan pengalaman sebenar peserta kajian (Cohen, Manion dan Morrison, 2002; Creswell, 2003). Peserta kajian dipilih berdasarkan sumbangan mereka kepada persoalan kajian yang ditentukan. Peserta terbabit diharap dapat memberi penerangan yang jelas tentang pengalaman dan cabaran melaksanakan pembelajaran berasaskan masalah dalam pengajaran mereka. Pengkaji menggunakan teknik persampelan bertujuan (Morse dan Richards, 2002; Silverman, 2000) iaitu peserta kajian dipilih kerana mereka dapat memberi maklumat yang jelas dan terperinci. Antara kriteria pemilihan peserta kajian bagi membolehkan pengkaji memperolehi data yang jelas ialah guru Pendidikan Islam di sekolah menengah bantuan penuh kerajaan; telah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam lima tahun dan lebih untuk memastikan pengalaman mereka mencukupi dan jelas serta mereka bersedia untuk berkongsi pengalaman dengan pengkaji.

Temu bual merupakan kaedah utama pengumpulan data untuk kajian kualitatif yang dijalankan ini. Dalam konteks kajian yang dijalankan ini, pengkaji cenderung untuk mengguna pakai temu bual separa berstruktur. Temu bual separa berstruktur ialah temu bual yang dirancang daripada segi soalan atau isu yang akan dikemukakan (Cohen, Manion dan Morrison, 2002) tetapi pengkaji mempunyai kebebasan untuk melakukan *probes* atau soalan risikan.

Selanjutnya, analisis data merujuk kepada proses penyusunan data kepada beberapa kategori dan unit asas deskriptif (Patton, 1987). Proses analisis berlaku semasa pengumpulan data berjalan dari masa ke semasa dengan refleksi dilakukan terhadap data yang diperolehi (Creswell, 2003). Analisis secara intensif pula dijalankan setelah pengumpulan data secara menyeluruh selesai (Moleong, 2000).

## PERBINCANGAN DAPATAN

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa terdapat beberapa orang guru Pendidikan Islam yang melaksanakan pembelajaran berasaskan masalah. Sebagai contoh, Guru A mengemukakan isu semasa berkaitan dengan keimanan seperti ajaran sesat untuk difikir dan dibincang oleh murid.

Akidah... ajaran-ajaran sesat ke... Kita akan keluarkan isu... dan minta pelajar nilai apa yang salah, apa yang salah.

Guru A turut mengemukakan isu berkaitan ibadat iaitu berdasarkan isu sebenar yang berlaku sebagaimana berikut:

Macam Amina mengimamkan solat Jumaat dan dia punya jemaah dia lelaki. Okay, macam mana hukum dia tu ? Kita akan rangsang dia berfikir ...

Selanjutnya, Guru B merangsang murid menggunakan pemikiran dengan memberikan permasalahan untuk diselesaikan seperti kata beliau:

Selalunya yang berfikir ni berkaitan dengan ..hukum ke masalah ke. Masalah untuk menyelesaikan sesuatu ke. Bagi masalah untuk diselesaikan.

Apa yang dikemukakan oleh Guru A dan B secara jelas telah disentuh oleh Das et al. (2002) bahawa isu dan masalah yang ditentukan guru perlu difikirkan dan diselesaikan murid dengan bimbingan guru. Ternyata masalah yang dikemukakan itu adalah berkaitan dengan tajuk yang telah dibincangkan oleh guru sebelum ini. Guru C turut berbuat perkara yang sama iaitu mengemukakan masalah atau isu untuk murid berbincang dalam kumpulan:

apabila kita bagi satu isu, kita minta dia buat perbincangan dalam kumpulan ke sebagainya kemudian dia bantangkan.

Perkongsian Guru C menunjukkan bahawa pembelajaran berasaskan masalah boleh memupuk nilai kerja berpasukan dan sekaligus meningkatkan kemahiran komunikasi murid sesama murid (Ellen, et al, 2011). Ini bertepatan dengan pandangan Yadav et al, (2011) bahawa pendekatan ini secara tidak langsung melatih murid belajar secara kolaboratif.

Tidak ketinggalan Guru D merangsang pemikiran murid dengan meminta murid menyatakan rasional setiap golongan yang berhak menerima zakat.

Rangsang pelajar berfikir, biasanya kita lontarkan masalah. Kita lontarkan masalah pada dia orang. .. Golongan yang berhak menerima zakat.. lapan golongan yang berhak terima zakat, mengapa lapan tu yang berhak ? Fakir nya lain, miskin nya lain, muafak nya lain, mengapa muafak perlu diberi.

Walaupun Guru D menimbulkan persoalan atau isu berkaitan dengan hukum yang telah ditetapkan Allah s.w.t. tetapi ia dapat mendorong murid berfikir aras tinggi (Ellen, et. al, 2011) sehingga boleh memahami hikmah atau falsafah satu-satu hukum yang ditetapkan.

Selain daripada berkaitan ibadah zakat, Guru D turut melontarkan permasalahan yang dilaporkan dalam media massa iaitu berkaitan dengan hukum perceraian. Beliau merangsang murid mengemukakan pandangan berkaitan dengan kes talak sebagaimana yang dilaporkan di akhbar.

Isu semasa, berita tu... Apa..apa maksud fasakh tu ? Kita kaitkan balik bila dia kata benda tu fasakh. "Apa maksud fasakh yang awak belajar ?" "Talak...ha, talak tu kenapa talak tu ada sampai tiga ?" Jadi, itu merangsang mereka berfikir.

Berdasarkan dapatan yang dikemukakan menunjukkan bahawa keempat-empat guru Pendidikan Islam melaksanakan pembelajaran berasaskan masalah namun terhad dalam bidang Akidah dan Ibadat sahaja. Manakala dalam bidang lain seperti Sirah dan Tamadun Islam serta bidang Akhlak tidak dinyatakan secara jelas. Ini memberi isyarat bahawa guru Pendidikan Islam melaksanakan pendekatan berpusatkan pelajar tetapi tahapnya masih perlu ditambah baik (Ab Halim dan Siti Muhibah (2015).

Seterusnya dalam memperkatakan tentang cabaran pelaksanaan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah, Guru D secara tidak langsung menitikberatkan aspek peningkatan ilmu bagi meningkatkan tahap profesionalisme guru. Bagi beliau, bukan setakat ilmu agama yang perlu dipertingkatkan tetapi juga ilmu-ilmu lain agar mampu melaksanakan tugas secara berkesan dan menimbulkan kepuasan melakukan kerja.

Memang kena pertingkatkan ilmu bukannya ilmu agama je ! Ilmu agama tu untuk menguatkan diri kita sebenarnya. Ilmu ni (mengendalikan komputer) untuk ..supaya kita kompeten untuk bekerja. Kalau tak, kita akan undur ! Tak boleh berpada dengan apa yang ada. Kalau tak, kita jadi orang yang beku. Kita pun tak ada kepuasan dalam bekerja kalau kita beku.

Kursus penting bagi memperdalam ilmu dan kemahiran. Kursus juga menjadi landasan untuk guru-guru berkumpul dan berbincang bagi memastikan pelaksanaan pembelajaran yang dikehendaki dapat direalisasikan. Guru C menjelaskan,

Kadang kita pergi kursus, kita dapat satu idea, macam tu lah. Sebab saya selalu dok, dok bagi kursus kat orang, jadi saya dapat benda tu, kan. Saya tengok ini menarik, kenapa tak dibuat sebagai p & p dalam kelas ? Lepas tu saya cuba lah!

Cuma kita kena... sebab tu ada kursus... naikkan ..ni, kan. Mesti kita, kita apa nama... nilai seorang guru mesti ada tambah nilainya. Tak boleh setakat tu je, mesti tambah nilai

Apa yang dinyatakan oleh Guru C ternyata disokong oleh Guru D yang menekankan kepentingan kursus bagi meningkatkan ilmu dan kemahiran guru bagi melaksanakan pengajaran berkesan serta sesuai dengan tuntutan semasa.

Sebenarnya kehadiran atau penglibatan dalam kursus tu memang pentinglah untuk penambahan ilmu di samping kita boleh berbincang dengan orang lain lah, dengan guru-guru lain, dengan juru latih-juru latih lain.... Jadi, lebih meluas lah apa yang kita bincangkan tu.

Ternyata apa-apa yang dikongsi oleh Guru C dan D tentang pendedahan kursus kepada guru berdasarkan pengalaman sebenar mereka bertepatan dengan dapatan kajian lampau. Dapatan tersebut menyatakan bahawa murid sangat memerlukan guru yang memiliki kemahiran untuk melaksanakan pembelajaran berasaskan masalah yang tepat dan sesuai (Das, et. al, 2002).

## KESIMPULAN

Kajian yang dijalankan ini mengisytiharkan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan masalah telah dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam dalam pengajaran mereka tetapi tidak secara menyeluruh. Guru Pendidikan Islam dilihat melaksanakan pembelajaran tersebut dalam bidang Akidah dan Ibadat sahaja. Kajian ini dapat memberi cadangan kepada Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Kementerian Pendidikan Malaysia untuk merangka dan menganjur program atau latihan dalam perkhidmatan yang memfokuskan pendekatan berpusatkan murid khasnya pembelajaran berasaskan masalah. Pendekatan pembelajaran ini dapat membantu meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi, pembelajaran sendiri, kerja berpasukan dan kemahiran menyelesaikan masalah.

## RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri dan Siti Muhibah Haji Nor. (2015). Prinsip pembelajaran aktif dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan*. 3(2), 28-42.
- Ab Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail dan Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen asas untuk latihan guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah*. 2(2), 53-63.
- Cohen, L., Manion, L. & Marrison, K. (2002). *Research methods in education*. 5th ed. New York: Routledge Falmer.
- Creswell, J.W. (2003). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods Approaches*. Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Das, M., Mpofo, D.F.S., Hasan, M.Y. dan Stewart, T.S. (2002). Student perceptions of tutor skills in problem-based learning tutorials. *Medical Education*. 36, 272-278.
- Ellen, D.E., Donham, R.S. dan Bernhardht, S.A. (2011). Problem-based learning. *New Directions for Teaching and Learning*. 128, 21-29.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Buku penerangan kurikulum standard sekolah menengah (KSSM)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Pendidikan Malaysia.
- Moleong, L. J. (2000). *Metodologi penelitian kualitatif*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.

- Morse, J.M. & Richards, L. (2002). *Readme first for a user's guide to qualitative methods*. Thousands Oak: SAGE Publications.
- Patton, M.Q. (1987). *How to use qualitative methods in evaluation*. Newbury Park, California: SAGE Publications, Inc.
- Silverman, D. (2000). *Doing qualitative research: A practical handbook*. London: SAGE Publications.
- Yadav, A., Subedi, D., Lundeberg, M.A. dan Bunting, C.F. (2011). Problem-based learning: Influence on students' learning in electrical engineering course. *Journal of Engineering Education*. 100 (2), 253-280.